



21 Ogos 2019  
21 August 2019  
P.U. (A) 224

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN  
(PENGEQUALIAN) 2019

*FINANCIAL SERVICES  
(EXEMPTION) ORDER 2019*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGECUALIAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Pengecualian) 2019**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Mac 2019.

**Pengecualian daripada subseksyen 8(1)**

2. (1) Anggota Kumpulan Kelab Perlindungan dan Indemniti Antarabangsa (IGP&I) dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 8(1) Akta semata-mata bagi maksud menjalankan perniagaan insurans berkenaan dengan insurans perlindungan dan indemniti bagi kapal yang memiliki berat 5,000 tanan kasar atau kurang, termasuk kapal Malaysia, bagi tempoh tiga tahun.

(2) Penanggung insurans yang dinyatakan dalam Jadual dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 8(1) Akta semata-mata bagi maksud menjalankan perniagaan insurans berkenaan dengan insurans perlindungan dan indemniti bagi kapal Malaysia yang memiliki berat 300 tanan kasar atau kurang bagi tempoh satu tahun.

(3) Bagi maksud subperenggan (1) dan (2)—

(a) “insurans perlindungan dan indemniti” ertinya insurans perlindungan dan indemniti yang ditawarkan oleh anggota Kumpulan Kelab Perlindungan dan Indemniti Antarabangsa (IGP&I) atau penanggung insurans yang dinyatakan dalam Jadual, mengikut mana-mana yang berkenaan, secara usaha sama dengan Perlindungan dan Indemniti Malaysia Sdn. Bhd.; dan

- (b) “kapal Malaysia” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 11(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [*Ord. 70/1952*].

JADUAL

1. MS Amlin Marine NV (dahulunya dikenali sebagai RaetsMarine Insurance B.V.), penanggung insurans yang dilesenkan dan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Belanda bagi Pasaran Kewangan (*Autoriteit Financiële Markten*), Belanda
2. Archipelago Insurance Limited, penanggung insurans yang dilesenkan dan dikawal selia oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*]

Dibuat 26 Julai 2019  
[MOF.SID(S)700-1/2/20; PN(PU2)718/V]

LIM GUAN ENG  
*Menteri Kewangan*

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (EXEMPTION) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by section 263 of the Financial Services Act 2013 [*Act 758*], the Minister, upon the recommendation of the Bank, makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Financial Services (Exemption) Order 2019**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 25 March 2019.

**Exemption from subsection 8(1)**

2. (1) The members of the International Group of Protection and Indemnity Clubs (IGP&I) are exempted from the application of subsection 8(1) of the Act for the purpose of carrying on insurance business solely in respect of protection and indemnity insurance for ships of 5,000 gross tonnage or less, including Malaysian ships, for a period of three years.

(2) The insurers specified in the Schedule are exempted from the application of subsection 8(1) of the Act for the purpose of carrying on insurance business solely in respect of protection and indemnity insurance for Malaysian ships of 300 gross tonnage or less for a period of one year.

(3) For the purposes of subparagraphs (1) and (2)—

(a) “protection and indemnity insurance” means the protection and indemnity insurance offered by the members of the International Group of Protection and Indemnity Clubs (IGP&I) or the insurers specified in the Schedule, as the case may be, in collaboration with the Perlindungan dan Indemniti Malaysia Sdn. Bhd.; and

- (b) “Malaysian ship” has the meaning assigned to it in subsection 11(1) of the Merchant Shipping Ordinance 1952 [*Ord. 70/1952*].

SCHEDULE

1. MS Amlin Marine NV (formerly known as RaetsMarine Insurance B.V.), an insurer licensed and regulated by the Netherlands Authority for the Financial Markets (*Autoriteit Financiële Markten*), Netherlands
2. Archipelago Insurance Limited, an insurer licensed and regulated by the Labuan Financial Services Authority established under the Labuan Financial Services Authority Act 1996 [*Act 545*]

Made 26 July 2019  
[MOF.SID(S)700-1/2/20; PN(PU2)718/V]

LIM GUAN ENG  
*Minister of Finance*